

Walaupun bumi Putrajaya tidak asing bagi penulis, tawaran untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh *Tourism Malaysia* dan *Gaya Travel Magazine* di sambut.

Mungkin ada 'permata' yang belum diterokai sepenuhnya oleh penulis, jadi peluang ini harus dimanfaatkan sebaik mungkin.

Tepat jam 9 pagi, kesemua hampir 40 orang peserta yang terdiri daripada rakan media, penulis blog, agensi pelancongan berkumpul di jeti cruise tasik Putrajaya untuk memulakan Kembara Cuti-Cuti 1Malaysia Putrajaya.

HARI PERTAMA:

Sambil bersarapan, kami diberi penerangan oleh kakitangan cruise yang bertugas mengenai bangunan menarik di sekitar tasik Putrajaya ini dan juga sejarah mengenai Putrajaya.

Kami dimaklumkan pembinaan tasik Putrajaya ini memakan masa sehingga empat tahun bermula proses penggalian dan pengisian air dari Sungai Chua serta Sungai Pelek.

Dasar paling dalam dicatatkan adalah sehingga 14 meter berhampiran dengan kawasan pusat rekreasi air Presint 5. Tasik ini juga dihuni oleh 36 spesies ikan air tawar namun sebarang aktiviti memancing dilarang sama sekali.

Selepas sejam berada di dalam cruise menikmati panorama indah Putrajaya, kami di bawa ke Kediaman Rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana di Presint 10.

Ianya menjadi tempat menyambut dan meraikan majlis bersama Ketua-ketua negara, Ketua-ketua Kerajaan dan kenamaan.

Seri Perdana ini mempunyai tiga blok iaitu protokol dan bankuet yang dibuka kepada orang



Pelbagai jenis replika haiwan boleh dilihat di Muzium Alam Semula jadi ini.



Terokai permata

tersembunyi

awam selain kediamannya sahaja ditutup kepada awam.

Kagum penulis melihat seni binanya. Daripada penerangan yang diberikan petugas di situ, ia berasaskan seni bina Melayu Islam dan Eropah.

Pengunjung tidak dibenarkan merakamkan atau mengambil gambar di bahagian dalam kompleks ini. Pengunjung boleh melihat pelbagai cenderahati yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Untuk aktiviti sebelah petang, kami terus dibawa mengunjungi Morrocon Pavillion yang terletak bersebelahan dengan Restoran Putrajaya Seafood.

Selama ini, penulis tidak sedar pun mengenai kewujudan Morrocon Pavillion ini. Ini untungnya menyertai program sebegini walaupun sudah biasa dengan kawasan tersebut.

Setelah penat seharian, jam 5 petang, kami ke Hotel Shangri La Putrajaya untuk urusan daftar masuk dan berehat sebelum menyambung aktiviti pada malam hari.

Usai solat Maghrib, kami bertolak ke Taman Wetland untuk makan malam, *night walk* dan meneroka angkasa lepas dengan menggunakan teropong.

Alunan muzik unggas malam mengiringi kami sepanjang *night walk*. Dalam kepekatan malam itu, kami sempat singgah untuk melihat spesies burung yang imigrasi dari serata dunia.

HARI KEDUA

Hari ini kami diberi kesempatan untuk mendekati kuda dan sekali gus melakukan *poney ride* di Taman Equestrian Putrajaya. Ia dibuka kepada orang awam untuk menunggang kuda disertakan pakej menarik.

Perasaan takut timbul apabila pertama kali mendekati haiwan jinak ini. Setelah didekati, kuda ini menunjukkan bermacam respons dan aksi kepada pengunjung.

Masing-masing teruja dan tidak sabar untuk melakukan *poney ride* di padang. Setelah kelengkapan dipakai, seorang demi seorang menunggang kuda sambil.

Gelagat lucu peserta membuatkan kami tidak tahan menahan ketawa. Puas menunggang kuda, tekak pula haus. Bagai pucuk dicita ulam mendatang, kami di bawa ke Manggiamo Cafe yang terletak bersebelahan dengan Taman Equestrian ini untuk makan tengah hari dan solat.

Selepas itu, kami dibawa menuju ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau dikenali sebagai Masjid Besi yang merupakan masjid kedua selepas Masjid Putra.

Bagi yang belum tahu, masjid ini boleh memuatkan 20,000 orang jemaah dalam satu-satu masa dibina untuk tujuan sebagai pusat ibadat yang selesa dan pusat perkembangan ilmu kepada masyarakat.

Masjid yang bernilai RM200 juta ini merupakan satu-satunya masjid yang pembuatannya menggunakan 6,000 tan besi atau 70 peratus bahan binaan dengan baki 30 peratus konkrit.

Komponen utama pembinaan masjid ini ialah bangunan masjid dan *Kiblat Walk* iaitu laluan pejalan kaki yang menghubungkan Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Setelah menghabiskan masak kira-kira sejam di masjid ini, peserta rombongan dibawa ke Galeri Tun Abdullah yang terletak di Menara Prisma 26, Presint 3, Putrajaya. Sungguh tidak disangka, bangunan dipelopori pejabat-pejabat kerajaan ini mempunyai galeri yang menarik untuk dikunjungi.

Ia memaparkan sejarah keturunan, keluarga, karier dan perkembangan politik di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri kelima itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Terletak di aras 9, galeri ini dibuka percuma kepada semua setiap hari bermula jam 9 pagi hingga 5 petang kecuali ditutup Isnin, Sabtu dan Ahad dibuka pada jam 10 pagi sehingga 3 petang.

Hujan reyai membasahi bumi Putrajaya. Walau bagaimanapun, program *Walk About* bersama



Kompleks Perdana Menteri menempatkan kediaman rasmi Perdana Menteri.



Aktiviti stargazing.
Masing-masing tidak melepaskan peluang untuk melihat planet lain menerusi teleskop ini.



Aktiviti berkuda di Taman Equestrian Putrajaya.



yi

Sinar 6/11/13
MS 4/5

Putrajaya bukan sekadar Bandar Pentadbiran Persekutuan

Pengerusi Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Aseh Che Mat yang diadakan setiap Selasa dan Khamis selepas waktu bekerja tetap diteruskan.

Berjalan sehingga 5 kilometer di sekitar Dataran Putrajaya menjadi kebiasaan bagi beliau untuk beramah mesra dengan penduduk Putrajaya yang bersama-sama menyertai program ini.

HARI KETIGA

Indah dibuai mimpi pada malam hari, penulis bangun untuk meneruskan program yang telah diatur pada hari terakhir ini.

Destinasi pertama hari ini adalah berbasikal di Taman Saujana Hijau Presint 11. Betapa nyamannya udara dan keindahan panorama di sini.

Mana tidaknya, kabus masih menyelubungi kawasan sekitarnya menjadikan anda seolah-olah berada di negara bermusim sejuk. Ditambah pula taman ini dihiasi dengan pokok *pine* pelbagai spesies.

Taman ini menyediakan dua trek untuk berbasikal dan berjoging sepanjang 2.5KM yang

menuruni dan mendaki bukit sebagai cabaran kepada pengunjung.

Penat berbasikal, kami ke Muzium Alam Semula Jadi Presint 15 untuk melihat keunikan muzium ini yang merupakan lokasi terakhir untuk program ini.

Pelbagai spesies haiwan dan tumbuhan yang dipamerkan khas untuk pengunjung. Usai itu, kira-kira jam 3 petang, masing-masing menaiki bas untuk pulang ke Kuala Lumpur.

Monumen yang terletak di Presint 1.

Perasaan takut timbul apabila pertama kali mendekati haiwan jinak ini. Setelah didekati, kuda ini menunjukkan bermacam respons dan aksi kepada pengunjung.

